

Kementerian Pendidikan dapat peruntukan terbesar

Sebahagian dana RM55.6b untuk kenaikan kadar pemberian BAP, RMT

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan menerima peruntukan terbesar dalam Bajet 2023 yang diumumkan semalam iaitu sebanyak RM55.6 bilion berbanding RM52.6 bilion yang disalurkan dalam Bajet 2022.

Menerusi peruntukan itu, kerajaan mengumumkan Bantuan Awal Persekolahan (BAP) berjumlah RM150 seorang, akan diperluas dan diberikan kepada semua murid, tanpa mengira had pendapatan ibu bapanya.

Ia membabitkan peruntukan sebanyak RM825 juta iaitu jauh melebihi peruntukan tahun ini sebanyak RM450 juta dan mula dibayar Januari depan.

"Sebagai contoh, jika sebuah keluarga mempunyai tiga orang anak bersekolah, maka mereka layak menerima BAP sebanyak RM450.

"Insyallah, bantuan ini akan disalurkan pada Januari 2023 dan diharap dapat meringankan beban ibu bapa yang menyara anak-anak bersekolah," kata Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziznya.

Beliau berkata, bantuan berkenaan selama ini sudah meringankan beban ibu bapa berpendapatan RM3,000 ke bawah untuk menyediakan kelengkapan sekolah anak-anak.



RM825 juta diperuntukkan untuk BAP yang akan diberi bermula Januari depan.

(Foto hiasan)

Kadar BAP dinaikkan kepada RM150 mulai tahun ini berbanding RM100 sebelumnya.

Berkuat kuasa bulan ini

Selain itu, kerajaan akan menaikkan kadar makanan bermasakan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) daripada RM2.50 kepada RM3.50 bagi pelajar di Semenanjung dan RM3 kepada RM4 seorang di Sabah dan Sarawak.

Kenaikan kadar ini akan mula berkuat kuasa mulai bulan ini, membabitkan peruntukan RM777 juta, peningkatan signifikan berbanding RM280 juta pada 2020, atas peluasan penerima, kenaikan kadar dan penyediaan bekalan susu setiap hari.

BAJET 2023

"Lebih 800,000 murid serta 7,300 pengusaha makanan dan pembekal susu tempatan akan menerima manfaat daripada penambahan ini," katanya.

RMT sudah dilaksanakan sejak 1979 bagi memastikan murid daripada keluarga susah mendapat khasiat makanan yang diperlukan.

Sejak Bajet 2022, kerajaan menambah baik RMT dengan menyediakan bekalan susu setiap hari persekolahan anak-anak.

Perluasan Bantuan Awal Persekolahan (BAP)

- RM150 kepada setiap murid, tanpa mengira pendapatan keluarga
- Manfaat kepada **813,393** murid
- Manfaat kepada lebih **5 juta** murid

Kenaikan kadar Rancangan Makanan Tambahan (RMT)

- RM2.50 kepada **RM3.50** di Semenanjung
- RM3 kepada **RM4** di Sabah dan Sarawak
- Manfaat kepada **813,393** murid